

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**
[TUMPAT]

TARIKH : **25 OKTOBER 2016**

SOALAN : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah usaha-usaha
Kementerian untuk memperkukuhkan lagi
status Baitul Maqdis ibu negara Palestin
dan juga kota di mana masjid ketiga mulia
di dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Menerusi platform Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Malaysia sentiasa lantang dalam mengetengahkan permasalahan yang dialami oleh Palestin dan rakyatnya, termasuk memperjuangkan status Baitul Maqdis sebagai ibu negara Palestin dan memelihara kesucian Masjid Al-Aqsa.

3. Antara usaha terbaru Malaysia bagi mencari penyelesaian ke atas isu ini adalah melalui peranan aktif Malaysia semasa *5th Extraordinary OIC Summit on Palestine and Al Quds Al Sharif*, yang telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada 6 dan 7 Mac 2016. Di akhir Sidang Tergempar OIC ini, Malaysia bersama-sama negara-negara anggota OIC yang lain telah menerima pakai Resolusi dan Deklarasi Jakarta mengenai Palestin dan Al-Quds Al-Sharif di mana satu Pelan Tindakan telah dipersetujui secara bersama. Antara lain, Pelan Tindakan tersebut menggesa agar masyarakat antarabangsa mengambil tindakan sewajarnya untuk menghentikan penaklukan Israel ke atas bumi Palestin bagi memelihara status dan kesucian Baitul Maqdis.

4. Di samping itu, semasa Sesi Ke-13 Sidang Kemuncak OIC yang telah diadakan di Istanbul, Turki pada 14 dan 15 April 2016, negara-negara anggota OIC telah menerima pakai Resolusi mengenai Palestin dan Al-Quds Al-Sharif. Resolusi tersebut, antara lain, mengutuk sekeras-sekerasnya pencerobohan dan penempatan haram (*illegal*

settlements) di Palestin dan menegaskan komitmen kukuh OIC dalam menangani isu ini.

5. Malaysia telah mengulangi pendirian tegasnya dalam isu ini semasa

Mesyuarat *OIC Six-Member Committee on Palestine*, yang telah diadakan di sela-sela Perhimpunan Agung Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ke-71 di New York, Amerika Syarikat pada 19 September baru-baru ini. Dalam kenyataannya, YB Menteri Luar Negeri antara lainnya, mengecam sekeras-kerasnya tindakan agresif oleh rejim Israel di perkarangan Masjid Al-Aqsa dan cubaan Israel untuk mengubah struktur dan status Baitul Maqdis.

6. Dalam hubungan ini, YB Menteri Luar Negeri menyeru masyarakat antarabangsa untuk bersatu dalam usaha menghentikan tindakan rejim Israel yang secara berterusan mencabar status Baitul Maqdis dan kesucian Masjid Al-Aqsa. Beliau juga menegaskan kepentingan agar masyarakat antarabangsa dapat bersama-sama meningkatkan tekanan ke atas rejim Israel melalui saluran perundangan, diplomatik dan ekonomi supaya penempatan haram Israel dapat dihentikan sertamerta.

7. Malaysia akan terus bekerjasama dengan OIC bagi mencari jalan penyelesaian ke atas isu ini.

Sekian, terima kasih.